



DR. MAHATHIR Mohamad mencuba kaca mata tiga dimensi untuk melihat imej realiti maya di Pusat Pameran Mines, Sungai Besi, dekat Kuala Lumpur semalam. — Gambar ZUL AZHAR SUBLEE.

Pusat Realiti Maya Negara dirancang

KUALA LUMPUR 14 April — Malaysia bercadang mewujudkan Pusat Realiti Maya Negara untuk memajukan teknologi itu di bawah aplikasi jaringan pengilangan sedunia, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Jaringan itu merupakan salah satu daripada tujuh aplikasi perdana yang mesti dilaksanakan dalam Koridor Raya Multimedia (MSC).

Perdana Menteri berkata, di bawah aplikasi itu Malaysia berharap dapat mewujudkan jaringan pusat realiti maya dan makmal yang menjadi sebahagian daripada pusat tersebut.

Setakat ini Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) telah menubuhkan sebuah Pusat Realiti yang dibangunkan di Taman Teknologi Malaysia di sini.

Katanya, projek tersebut akan mengambil masa untuk dimajukan. "Untuk menjadikannya kenyataan, pelaburan dalam pusat itu sangat diperlukan," kata Dr. Mahathir.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap merasmikan Seminar Realiti Maya 1998 anjuran Universiti Malaysia Sarawak di Pusat Pameran Mines di Sungai Besi, dekat sini hari ini.

Dr. Mahathir menggesa organisasi dan industri sama ada tempatan mahupun luar negara tampil berkongsi dan membentuk sebuah konsortium bagi memajukan teknologi tersebut.

"Saya percaya bengkel yang diadakan ini akan membincangkan beberapa projek yang menjadi asas perkongsian untuk mengenal pasti bidang aplikasi realiti maya," ujar beliau.

Dalam perkembangan berkaitan, Perdana Menteri menegaskan, kegawatan ekonomi sekarang merupakan kesan langsung penggunaan 'mata wang maya' dalam dunia perniagaan moden.

Kata Dr. Mahathir, melalui 'wang maya', semua orang boleh berurusan membeli sesuatu barangan tanpa perlu membawa wang tunai.

Beliau berkata, jika dulu semua orang perlu

menggunakan wang untuk membeli barangan dan perkhidmatan, tetapi kini ia tidak perlu lagi.

Akibatnya, tiada had jumlah bagi apa juga perniagaan yang hendak dilakukan termasuklah dalam perdagangan mata wang maya "yang memberikan kesan buruk kepada semua orang".

"Perdagangan mata wang adalah contoh yang paling baik mengenai bagaimana 'wang yang sebenar' boleh menjadi 'wang maya' untuk didagangkan bagi mengaut keuntungan yang besar," kata beliau.

Menurut Dr. Mahathir, dalam perdagangan mata wang, para pedagang boleh meminjam berjuta-juta mata wang tertentu tanpa perlu membawa wang sebenar.

Perdagangan

Dalam konteks ini, angka-angka mengenai wang boleh diubah melalui skrin komputer untuk menunjukkan jumlah wang yang dipinjam.

Malangnya, kata beliau, pedagang mata wang yang berurusan dengan wang maya sebenarnya tidak bergantung kepada bekalan mata wang dalam pasaran.

"Ini menyebabkan mata wang yang begitu banyak boleh diniagakan berkali-kali, dengan lain-lain perkataan, wang yang didagangkan itu adalah wang maya, bukan yang sebenar," jelas beliau.

Katanya, kesan penurunan nilai akibat daripada perdagangan mata wang maya amat buruk.

Pada hari ini, kata Dr. Mahathir, banyak negara di rantau ini sedang menghadapi masalah ekonomi dan sosial akibat perdagangan mata wang maya itu.

Banyak bank serta ahli perniagaan bankrap, berjuta-juta pekerja kehilangan pekerjaan manakala negara terpaksa mengimport barang

keperluan dengan kos yang amat tinggi, kata beliau.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir tidak menolak kebaikan yang dapat diwujudkan oleh penggunaan teknologi realiti maya.

Menurutnya, penggunaan teknologi realiti maya mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan kepada peningkatan produktiviti dan kualiti sesuatu produk yang hendak dikeluarkan.

Katanya, ini kerana teknologi realiti maya dapat menghasilkan gambaran yang hampir benar mengenai sesuatu barang yang hendak dicipta.

Sebagai contoh, pesawat termoden Boeing 777 dibuat secara terus berdasarkan lukisan dan gambar realiti maya yang dicipta melalui komputer.

"Dengan ini proses pembuatan boleh dipercepatkan dan kualiti serta ketepatan sesuatu produk yang dihasilkan itu dapat dipertahankan," ujarnya.

Simulator juga satu contoh jelas bagaimana teknologi realiti maya membolehkan seseorang pelatih juruterbang belajar memandu pesawat.

Sementara itu, Dr. Mahathir berkata, penyebaran surat layang menerusi Internet merupakan satu penyalahgunaan.

"Dalam Internet sekarang, kita boleh lihat surat layang, (dan) pelbagai perkara lagi.

"Kita jangkakan dengan adanya Internet dan tanpa perlu penapisan, orang ramai akan bercakap benar tetapi mereka gunakan Internet untuk menyebarkan fitnah," katanya.

Perdana Menteri diminta menghuraikan ucapannya pada seminar hari ini bahawa teknologi baru seperti realiti maya, seperti juga ciptaan manusia yang lain, boleh memanfaatkan atau memudaratkan manusia.